

Newspaper	Berita Harian
Date	2/12/2012

Pak Lah yakin BN boleh raih kejayaan besar

BH - 2/12/12

Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi percaya Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi UMNO berupaya mencatat kejayaan besar pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Beliau berkata, ini berdasarkan semangat kepemimpinan dan ahli yang kini berada pada tahap tertinggi, berbanding beberapa bulan lalu.

BN, UMNO sudah bersedia

“Saya percaya BN dan UMNO sudah bersedia menghadapi tugas dan tanggungjawab menjayakan pilihan raya dengan baik... kemungkinan besar mendapat kejayaan yang besar (pada PRU-13),” katanya ketika ditemui selepas berakhirnya Perhimpunan Agung UMNO 2012, semalam.

Abdullah berkata, ucapan penggulungan Presiden, Datuk Seri Najib Razak dengan begitu bersemangat yang diakhiri ikrar cukup bermakna.

“Ia adalah ikrar yang juga satu janji untuk memastikan bahawa kita bekerja bersungguh-sungguh mendapatkan kejayaan pada pilihan raya akan datang,” katanya.